

Pengurusan banjir ditambah baik - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

utusan.news@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan dilaksanakan sejurus selepas tamat Monsun Timur Laut (MTL) bagi membincangkan pelan jangka pendek dan jangka panjang pengurusan banjir negara.

Perdana Menteri berkata, bagi meningkatkan tahap perlindungan infrastruktur saluran dan pantai, Kementerian Alam Sekitar dan Air mencadangkan peningkatan tahap perlindungan atau kala ulangan reka bentuk infrastruktur saluran dan pantai daripada 100 tahun Average Recurrence Interval (ARI) kepada 200 tahun ARI.

Beliau berkata, cadangan penambahbaikan kepada Jabatan Meteorologi Malaysia pula meliputi Sistem Amaran Siren Banjir Berpusat dikoordinasi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Contoh di Sri Muda, siren amaran telah dibunyikan sebagai amaran kepada penduduk. Kerajaan juga akan menambah lagi jumlah siren yang dilengkapi amaran suara di lokasi-



ISMAIL Sabri Yaakob mempengerusikan Mesyuarat Khas Task Force Pengurusan Pasca Bencana Banjir Monsun Timur Laut 2021/2022 di Putrajaya semalam.

lokasi berisiko untuk mengarahkan penduduk berpindah.

"Kamera Litar Tertutup (CCTV) di stesen pemantauan aras air agar penduduk bersedia untuk berpindah sekiranya air berada pada paras bahaya," katanya dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri mempengerusikan Mesyuarat Khas Task Force Pengurusan Pasca Bencana Banjir Mon-

sun Timur Laut 2021/2022 dan menerima taklimat status tindakan daripada enam kluster yang ditubuhkan bagi mengurus inisiatif Pasca Bencana Monsun Timur Laut 2021/2022.

Ismail Sabri berkata, Ramalan Cuaca Berangka (NWP) iaitu komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) dibuat menerusi aktiviti-aktiviti latihan amal banjir dan maklumat

yang dihebah oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM).

"Kementerian Kerja Raya (JKR) mengenal pasti 895 lokasi bencana sepanjang MTL 2021/2022 melibatkan lokasi banjir, banjir kilat, cerun runtuh, jalan runtuh, jalan menadap dan jambatan runtuh atau rosak. Inisiatif pemulihan melibatkan kos sebanyak RM967.2 juta," kata beliau.